

Sawah ditenggelami air

Petani terpaksa bertungkus-lumus elak sumber rezeki musnah

PARIT 61/2TIMUR—Fenomena tengkujuh hujung tahun ini dikatakan berlainan sama sekali dengan sebelum ini apabila sawah di sekitar Parit 5 hingga 10, dekat Sungai Besar, di sini, ditenggelami air sehingga menyebabkan petani terlibat terpaksa bertungkus-lumus sepanjang hari.

Petani terlibat, Roslan Hassan, 42, berkata, padi adalah satu-satunya sumber rezeki baginya menyara kehidupannya sekeluarga.

“Saya tiada sumber pendapatan lain, isteri juga tidak bekerja, inilah satu-satunya sumber untuk membesarkan lima anak dan menampung keperluan keluarga. Dengan keadaan begini, kalau hendak upahkan orang mengerikan sawah kosnya agak tinggi, itu belum dihitung dengan kos menyulam benih atau tabur kali kedua apabila tiada langsung padi yang tumbuh.

“Alhamdulillah ada pam, kalau tidak susah juga apabila keadaan ini berlaku. Tapi, itulah ada susahnyanya, bila pam tiba-tiba berhenti, air akan masuk semula ke dalam sawah. Dalam keadaan begini,



ABD WAHID

kita terpaksa berulang alik melihat pam untuk memastikan ia terus berfungsi dan masuk ke dalam sawah jika pam berhenti,” katanya.

Difahamkan, jadual penanaman padi pada masa ini seharusnya adalah proses membaja dan meracun, tetapi malangnya, jadual itu tidak dapat diikuti memandangkan pokok padi masih tidak tumbuh.

Berikutan itu, petani di sekitar kawasan berkenaan merayu keprihatinan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi membantu menyelesaikan masalah untuk mengeringkan sawah kerana paras air di parit pembuang lebih tinggi dari paras air sawah.



ROSLAN

Ini kerana, Difahamkan, keadaan itu menyebabkan air dari parit pembuang akan masuk semula ke sawah apabila pam berhenti beroperasi secara tiba-tiba sama ada kerana kehabisan minyak (petrol/diesel) atau tersumbat dengan lumpur dan menyebabkan usaha, masa dan kos yang dikeluarkan untuk mengeringkan air sawah menjadi sia-sia.

Jika paras air di parit pembuang rendah dari paras sawah padi, pam tidak diperlukan dan petani juga tidak perlu membazirkan kos membeli petrol atau diesel untuk menjalankan pam.

Seorang lagi petani, Abd Wahid Udin, 46, berkata, JPS dicadangkan untuk menyedia-



Air dipam keluar dari sawah supaya benih padi dapat tumbuh.

kan pam di setiap parit bermasalah terutamanya musim tengkujuh ini untuk memudahkan petani membuang air dari sawah ke parit pembuang.

“Sekarang pam air dari parit pembuang ke parit penaung yang ada masing-masing satu di parit Tujuh ½, Lima ½ dan dua di Parit Empat. Kalau boleh JPS meletakkan pam di setiap parit untuk air dari parit pembuang senang keluar ke parit penaung.

“Dengan itu paras air di

parit pembuang akan lebih rendah serta memudahkan air dari sawah disalurkan ke parit pembuang,” katanya.

Dua lot sawah padi di Parit 6 ½ ditenggelami air, manakala satu lot di Parit Tujuh milik Abd Wahid terselamat apabila proses menabur dilakukan lebih awal namun beliau tetap menghadapi masalah untuk meracun padi angin di lot berkenaan.

Sementara itu, Arbain Hassan, 50, berkata, selain menambah pam di kawasan bermasalah, pam sedia ada perlu

dijalankan 24 jam untuk bantu menyelesaikan masalah sawah yang ditenggelami air.

“Selain itu, memandangkan musim tengkujuh ini menenggelamkan banyak sawah, semua kunci air perlu dibuka untuk mengelakkan petani terus berhadapan dengan masalah ini,” katanya.

Pada masa sama, petani juga mencadangkan JPS menaik taraf sistem salur di Parit Empat yang setiap tahun bermasalah kemungkinan disebabkan lumpur atau sampah sarap.